

M0455/09

# Sayau

## Aksi Pahlawan Bajau Semporna

OLEH MAD SAKAIRAN HAJI SULAIMAN  
FOTO: PENULIS

**M**asyarakat Bajau Semporna yang terkenal dengan pelbagai jenis tarian, amat sinonim dengan lagu *Panangsang* atau *Sikanandungan*. Masyarakat tersebut juga terkenal dengan tarian "sayau". Dalam bahasa Kadazan Dusun, *sayau* bererti tarian, manakala dalam suku kaum Bajau Semporna, *sayau* bererti aksi para pahlawan.

*Sayau* adalah singkatan daripada "magsayau", iaitu tarian yang menampilkan aksi membawa *bujak* (lembing)



Perisai yang diperbuat daripada kayu.


**Justeru, dalam kesenian suku kaum Bajau Semporna, sayau bererti menyambut kedatangan para tetamu, dan boleh diandaikan sebagai ungkapan "selamat datang".**

dengan pengadang (taming/perisai) bagi mengelak serangan musuh. Ekoran itu, *sayau* telah menjadi salah satu warisan kesenian dan kebudayaan suku kaum Bajau Semporna, dan sering kali dipersembahkan di majlis keramaian, termasuk majlis perkahwinan.

Justeru, dalam kesenian suku kaum Bajau Semporna, *sayau* bererti menyambut kedatangan para tetamu, dan boleh diandaikan sebagai ungkapan "selamat datang".

Ketika menyaksikan tarian tersebut, gerak tari para penari agak menyeramkan atau menakutkan, terutama kepada kanak-kanak. Kadang-kadang agak mencemaskan kerana wajah mereka disolekkan agar kelihatan bengis bagi menarik perhatian atau untuk menghidupkan suasana.

Mengimbas kisah dahulukala yang diperturunkan secara lisan daripada satu generasi ke generasi, kaum Bajau Semporna pernah bertarung dengan satu suku dari hutan yang mereka kenali sebagai suku "Sagayai". Suku berkenaan selalu keluar ke kawasan perkampungan



lalu mengganggu anak-anak kampung, termasuk sengaja membuat perlakuan tidak baik terhadap anak-anak dara.

Bahkan menurut maklumat lain, kaum Sagayai pernah memancung kepala orang kampung tertentu (diupah oleh pihak tertentu) sebagai galang ganti dalam pembinaan sesebuah bangunan.

Ekoran itu, kaum Bajau mengambil suatu ketetapan bahawa suku kaum dari hutan perlu dihalang atau ditawan. Oleh hal yang demikian, Kaum Bajau sentiasa bersiap sedia dengan membuat peralatan bagi menangkis serangan musuh, termasuk membuat aksi *sayau*. Sebaik sahaja segala kelengkapan perang dibuat, kaum Bajau akan menyerang kawasan petempatan kaum Sagayai untuk membalas dendam.

Hasil serangan dan cara perlakuan kaum Bajau, maka lahirlah perkataan "*sayau*" yang bererti menyerang, berlawan dan mencari musuh. Malahan boleh juga dikenali sebagai perlakuan hampir setengah gila. Oleh sebab itulah akhir-akhir ini, kaum Bajau sewaktu melakukan aksi *sayau*, mereka sengaja menyolekkan wajah mereka supaya muka kelihatan bengis bagi mengimbas kembali zaman nenek moyang mereka yang pernah menyerang kaum Sagayai kira-kira 200 tahun dahulu.

Kini aksi sebenar *sayau* tidak lagi diperlihatkan, sebaliknya sekadar membawa *bujak* dan perisai sebagai tanda sopan dan lemah lembut kepada para



tetamu bagi mengalu-alukan kehadiran mereka ke majlis berkenaan.

Pada masa ini, *sayau* menjadi pengisi waktu dalam majlis-majlis keceriaan. *Bujak* dan perisai tetap menjadi ciri-ciri khas kepada *sayau*. *Bujak* diperbuat daripada kayu sepanjang lima kaki. Perisainya pula diperbuat daripada kayu yang ditarah mengikut ukuran tertentu, memiliki tangkai dan diukir pada permukaan luar.



Aksi *sayau* yang menyerlahkan ciri-ciri kepahlawanan.

**Tarian *sayau* akan dipersembahkan oleh para penari lelaki dengan menampilkan aksi kepahlawanan, manakala golongan wanita membantu dengan membunyikan muzik kulintang.**

Tarian *sayau* akan dipersembahkan oleh para penari lelaki dengan menampilkan aksi kepahlawanan, manakala golongan wanita membantu dengan membunyikan muzik kulintang. Dipercayai kedua-dua alat ini digunakan oleh pahlawan pada zaman silam.

Setakat ini hanya kaum Bajau yang mengamalkan tarian atau rentak *sayau* yang berunsur kepahlawanan atau mempertahankan diri. **DB**